

MEMO



KEPADA : PELAJAR UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)
DARIPADA : UNIT BANTUAN KEWANGAN, PPJK (HEP)
TARIKH : 10 JANUARI 2020
PERKARA : SERAHAN DOKUMEN PERJANJIAN PINJAMAN PTPTN KELULUSAN PERJANJIAN PTPTN BERTARIKH 08/01/2020

Perkara di atas adalah dirujuk.

Kepada pelajar yang telah menerima **SURAT TAWARAN PTPTN BERTARIKH 08/01/2020** (tarikh tutup Permohonan Online PTPTN pada 31/12/2019), sila lengkapkan dokumen PTPTN mengikut Panduan dan Peraturan Am Mengisi Surat Tawaran Pembiayaan, Dokumen Perjanjian dan Maklumat Peribadi yang terdapat dalam laman web www.ptptn.gov.my.

PERHATIAN : Pelajar boleh menghantar terus Perjanjian PTPTN di cawangan Pejabat PTPTN ATAU boleh ke Pejabat HEP seperti butiran berikut :

TARIKH SERAHAN : 13/01/2020 hingga 14/01/2020 (Isnin - Selasa)
MASA : 9.00 Pagi - 5.00 Petang
TEMPAT : Pejabat HEP Kampus Shah Alam & Bestari Jaya

DOKUMEN YANG PERLU DILENGKAPKAN :

1. 2 Set Dokumen Perjanjian berserta **SETEM HASIL** RM10.00 x 2 keping (**BOLEH DI DAPATI DI PEJABAT POS**) dan **SETEM TIDAK PERLU DIMATIKAN**.
2. 1 Salinan Surat Tawaran Kemasukan UNISEL (Sila rujuk dokumen semakan).
3. **SAKSI** adalah terdiri daripada Semua Pegawai Kerajaan Gred 3/Kumpulan A dan ke atas di Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Negeri/Pejabat Persekutuan dan Negeri/Pejabat Daerah/IPTA/Sekolah (Pengetua dan Guru Besar sahaja) atau Pegawai-Pegawai UNISEL yang mendapat kebenaran bertulis daripada PTPTN.

PERINGATAN :

TARIKH PENYERAHAN DOKUMEN PTPTN ADALAH DALAM TEMPOH 14 HARI DARI TARIKH SURAT TAWARAN PTPTN.

Kelewatan pemulangan dokumen perjanjian boleh menyebabkan tawaran perjanjian terbatal. Pelajar perlu membuat permohonan baharu sekiranya masih berminat untuk mendapatkan pinjaman PTPTN.